



**UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA TAN SRI  
MOHAMAD ZABIDI ZAINAL**

**SEMPENA  
PELANCARAN HRMIS 2.0 DAN  
PROGRAM WHAT'S UP HRMIS**

**25 MAC 2015, 9.40 PAGI  
AUDITORIUM JPA**

**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam  
Transformasi. Salam “1Malaysia:  
Rakyat Didahulukan, Pencapaian  
Diutamakan”.**

**Yang Dihormati Saudara dan Saudari  
Pengacara Majlis**

**Yang Berbahagia Dato' Jalil Marzuki  
Timbalan Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Awam (Pembangunan)**

**Yang Berusaha Dr. Ahmad Jailani**

**Muhamed Yunus**

**Timbalan Ketua Pengarah**

**Perkhidmatan Awam (Operasi)**

**Yang Berbahagia Tan Sri/ Dato'-Dato'**

**Datin Ketua Setiausaha, Timbalan-**

**timbalan Ketua Setiausaha**

**Kementerian**

**Pengarah-Pengarah, Para Pegawai**

**dan Wakil Kementerian, Jabatan,**

**Pentadbiran Setiausaha Kerajaan**

**Negeri dan Agensi**

**Serta hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian.**

**Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana atas keizinan dan rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang penuh berbahagia ini bersempena dengan pelancaran HRMIS 2.0 serta program “What’s Up HRMIS”. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih atas kehadiran Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan serta hadirin dan hadirat pada hari ini**

**atas komitmen anda semua dalam menjayakan majlis pelancaran HRMIS 2.0 dan Program “What’s Up HRMIS.”**

## **HRMIS DAN PERKHIDMATAN AWAM**

**2. Kemudahan teknologi maklumat merupakan enabler kepada penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. Penggunaan teknologi terkini juga merupakan kunci kepada peningkatan sistem penyampaian kerajaan dan produktiviti anggota awam. Ini boleh dilihat melalui pencapaian Korea Selatan dalam mengekalkan kedudukan pertama di**

**dalam United Nation E-Government Ranking selama tiga kali berturut-turut yaitu pada tahun 2010, 2012 dan 2014. Mereka mempunyai kemudahan infrastruktur yang efektif dan mampan sehingga membolehkan mereka mempunyai kemudahan e-Government dan e-Mobile yang bertaraf dunia.**

**3. Australia yang menduduki tempat kedua dalam penarafan tersebut juga mempunyai portal e-Government yang komprehensif melalui konsep single sign on yang membolehkannya menghubungkan**

**semua perkhidmatan kerajaan di pelbagai peringkat.**

**4. Namun, Malaysia tidak ketinggalan jauh di dalam perkara ini. Jika kita lihat dapatan dari Worldwide Governance Indicators di bawah dimensi Government Effectiveness, Malaysia telah mendapat skor 81.8% bagi tahun 2013. Malaysia berada dalam kedudukan yang baik dalam senarai ini setanding dengan negara-negara maju yang lain seperti Korea Selatan dan Taiwan. Ini membuktikan dengan wujudnya infrastruktur teknologi**

**maklumat dan automasi, ia dapat menyokong pencapaian tahap kecekapan Kerajaan yang lebih tinggi.**

**5. Seajar dengan hasrat tersebut, JPA telah mengorak langkah dengan penuh iltizam untuk merealisasikan HRMIS sepenuhnya seperti yang telah direncanakan. Ini kerana kita sedia maklum bahawa HRMIS merupakan salah satu aplikasi utama di bawah Aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik. Pelbagai sudut operasi dan elemen Pengurusan Sumber Manusia digarap sewajarnya dalam**



**HRMIS bagi membentuk satu sistem yang komprehensif, inovatif dan memenuhi ciri-ciri kompetensi fungsi PSM secara menyeluruh.**

**Hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian,**

**6. Jika kita menoleh sejenak ke belakang, Human Resource Management Information System atau HRMIS telah dibangunkan bermula dari tahun 1999 dan pada tahun ini usianya telah memasuki tahun ke 16. HRMIS dibangunkan bagi membolehkan perancangan dan**

**pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam lebih terencana dan berkesan selaras dengan fungsinya dalam membantu Kerajaan menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat. Hari ini kita dapat lihat bagaimana HRMIS dapat mengumpul rekod-rekod perjawatan perkhidmatan awam yang melibatkan 726 agensi sektor awam.**

**7. Pengurusan maklumat di peringkat agensi pusat juga dapat bertindak secara proaktif di mana semua agensi sektor awam dapat menjalankan pengemaskinian data**

**secara berterusan. Semua urusan sumber manusia sektor awam dari mula seorang penjawat awam dilantik ke perkhidmatan awam, pengesahan dalam perkhidmatan, penempatan, kenaikan pangkat, pengurusan prestasi, kompetensi, latihan, pengurusan kerjaya, faedah, ganjaran dan saraan sehinggalah beliau bersara boleh dibuat dalam talian melalui aplikasi HRMIS.**

**8. Integrasi data antara HRMIS dengan sistem-sistem aplikasi kerajaan yang lain seperti Sistem Gaji, Sistem e-GL dan Sistem Pension**

**Online Workflow Environment atau POWER juga menjadikan HRMIS sebagai pangkalan data bersepadu perkhidmatan awam.**

**9. Melangkah ke alaf ke 21, bermula tahun 2010, penyelenggaraan bagi Sistem Aplikasi HRMIS telah diambil alih sepenuhnya oleh JPA sendiri daripada pihak vendor. Melalui langkah ini, JPA telah berjaya menjimatkan sebanyak RM8.5 juta setahun. Jika dihitng kos penyelenggaraan HRMIS sehingga ke tahun ini, kita telah berjaya membuat**

**penjimatan dengan anggaran sebanyak RM43.5 juta.**

**10. Saiz pangkalan data HRMIS ialah sebesar 800 GigaByte dengan bilangan rekod sebanyak hampir 1.26 bilion. HRMIS juga mempunyai 168,677 program dan 64 juta lines of coding dengan melibatkan 26 modul. Bagi HRMIS, kita masih mengekalkan proses penyelenggaraan yang meliputi perkara-perkara seperti Aplikasi, Integrasi, Perisian serta Sokongan Teknikal dilaksanakan sepenuhnya menggunakan kepakaran dalaman JPA sendiri.**

**11. Setelah 16 tahun ‘usianya’, HRMIS seharusnya telah menjadi sebahagian dari budaya kerja kita dan membawa perubahan kepada proses, organisasi dan teknologi dalam pengurusan sumber manusia. Strategi pengurusan sumber manusia dalam perkhidmatan awam hari ini secara langsung memerlukan kita berfikir dengan lebih kreatif untuk menghasilkan impak yang lebih berkesan. Pelaksanaan HRMIS juga telah menghasilkan suatu persekitaran pembelajaran yang berterusan di kalangan warga perkhidmatan awam.**

## **HRMIS 2.0**

**Hadirin dan hadirat yang saya kasihi  
sekalian,**

**12. Dalam berdepan dengan  
persekitaran pengurusan sumber  
manusia yang dinamik, pihak JPA  
sentiasa berpandangan ke hadapan  
dengan mengorak langkah bagi  
menambah baik sistem HRMIS sedia  
ada. Pelbagai cabaran yang dihadapi  
oleh JPA dalam mengendalikan  
HRMIS ini terutamanya untuk  
mengubah tanggapan yang tertanam**

**sekian lama dalam minda pengguna  
iaitu HRMIS itu perlahan.**

**13. Sungguhpun demikian, JPA  
percaya bahawa proses sumber  
manusia yang dibangunkan dalam  
modul HRMIS adalah bersifat anjal  
bagi memastikan pengurusan HRMIS  
sentiasa berkesan, relevan dan  
responsif kepada cabaran semasa.  
Lantaran itu, JPA telah menambah  
baik HRMIS sedia ada dan  
memperkenalkan HRMIS 2.0.  
Penambahbaikan ini adalah  
berdasarkan empat isu utama HRMIS  
sedia ada iaitu prestasi tidak**



**memuaskan, tidak mesra pengguna kerana perlu banyak klik, teknologi lama dan pelayar tunggal iaitu menggunakan Internet Explorer sahaja.**

**14. Bagi HRMIS 2.0 ini, ia masih mengekalkan proses aliran kerja sedia ada di samping menyuntik ciri-ciri User Interface baharu yang lebih mesra pengguna dengan pengurangan jumlah klik, bilangan menu dan juga page. Ia juga boleh dicapai melalui pelbagai pelayar dan berupaya untuk diakses secara mobile melalui pelbagai peranti.**

**Maka, bermula pada hari ini, 25 Mac 2015, tiada lagi masalah buat penjawat awam untuk mencapai HRMIS melalui telefon pintar atau tablet, di mana sahaja dan pada bila-bila masa.**

## **STRESS TEST HRMIS 2.0**

**15. Pada masa yang sama, JPA baru saja melaksanakan Pengujian Prestasi atau dikenali sebagai Stress Test HRMIS 2.0 pada 12 Mac 2015. Aktiviti ini melibatkan pengisian maklumat Senarai Kerja Tahunan dan dilaksanakan bagi menilai tahap**

**prestasi aplikasi HRMIS 2.0 sebelum pelancarannya. Semasa aktiviti tersebut dilaksanakan, HRMIS 2.0 telah mendapat hits sebanyak 425,141 dan hasil ujian mendapati bahawa prestasi HRMIS tidak terjejas dan mampu mengendalikan bilangan pengguna yang ramai dalam satu-satu masa.**

## **HRMIS 2.0 ADD-ON**

**16. Bagi memberi nilai tambah kepada HRMIS 2.0 ini, JPA juga telah melancarkan satu inovasi baharu iaitu aplikasi MyHRMIS Cuti dan**

**MyHRMIS Profile di bawah projek myGov Mobile pada bulan Disember 2014. Aplikasi ini boleh dicapai melalui telefon pintar dan tablet yang menggunakan platform android. Namun JPA tidak berhenti setakat itu sahaja, kami telah menambah baik aplikasi tersebut.**

**17. Justeru itu, sukacita saya maklumkan bahawa bermula pada hari ini juga, kedua-dua aplikasi tersebut boleh juga dimuat turun melalui iPhone dan Ipad yang menggunakan platform iOS. Usaha seperti inilah yang saya anggap**

**sebagai sebahagian daripada elemen inovasi di bawah transformasi perkhidmatan awam. Kita sebagai penjawat awam perlu lebih proaktif untuk menerokai penggunaan teknologi terkini seperti Mobile Application agar dapat memenuhi keperluan masyarakat pada masa kini yang lebih cenderung menggunakan telefon pintar dalam melaksanakan pelbagai urusan dan transaksi.**

# **HRMIS 2.0: PENDUKUNG TRANSFORMASI**

**Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya kasihi sekalian,**

**18. Bagi memastikan HRMIS 2.0 siap pada masa yang ditetapkan, ia telah dijadikan sebagai salah satu inisiatif transformasi JPA bagi tahun 2014 iaitu di bawah inisiatif T1-100. Sebagai susulan kesinambungannya bagi tahun 2015, Inisiatif Transformasi Berimpak Tinggi HI-T12 pula diperkenalkan di bawah**

**Teras Strategik 3 iaitu Merakyatkan Perkhidmatan Awam. Salah satu inisiatif yang ditekankan adalah GEMPUR HRMIS 2.0 di mana JPA mensasarkan peningkatan kefahaman dan kemahiran di kalangan pengguna HRMIS serta penggunaan HRMIS yang optimum di semua agensi sektor awam.**

**19. Bagi menyokong inisiatif GEMPUR HRMIS 2.0, pelbagai program pengurusan perubahan telah disusun antaranya program HRMIS User Group Summit atau HUGS, What's up HRMIS, Program Turun**

**Padang, Program Training on HRMIS for User atau THOR serta program-program lain khusus bagi membantu meningkatkan kesedaran, kemahiran dan pengetahuan penjawat awam yang melaksanakan HRMIS. Sokongan dan komitmen penuh daripada pihak agensi awam sendiri adalah amat diperlukan bagi menjayakan program-program yang telah direncanakan ini.**

**20. Program pertama kita sempena pelancaran HRMIS 2.0 akan bermula pada petang ini melalui program What's Up HRMIS. Saya percaya,**



**program yang melibatkan seramai 160 orang peserta ini akan dapat membantu memberi penjelasan yang lebih menyeluruh mengenai HRMIS 2.0 kepada semua agensi awam. Saya turut difahamkan bahawa semua peserta turut bersama-sama kita pada majlis pelancaran ini dan tuan-tuan dan puan-puan adalah diharapkan dapat memanfaatkan program ini sewajarnya.**

**21. Walaupun usaha-usaha di atas telah dilaksanakan oleh JPA dalam membudayakan HRMIS, faktor ENGAGEMENT semua agensi awam**

**sebenarnya yang memainkan peranan penting. Besar harapan saya agar program-program **PENGURUSAN PERUBAHAN** ini turut dilaksanakan oleh semua agensi dan tidak bergantung sepenuhnya kepada program-program kendalian **JPA** sahaja. Oleh itu, saya memohon agar semua pihak dapat menganjurkan program-program seperti **HARI TERBUKA HRMIS** atau **SEHARI BERSAMA HRMIS** di peringkat agensi sendiri dengan kerjasama dari pihak **JPA**. Saya pasti dengan adanya program-program seumpama ini, program-program **pengurusan****

**perubahan dapat ditingkatkan keberkesanannya.**

## **PEMURNIAN DATA HRMIS**

**Hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian,**

**22. HRMIS merupakan GUDANG DATA perkhidmatan awam. Sementelahan lagi, HRMIS memiliki jutaan data yang disumbangkan oleh pelbagai agensi di peringkat persekutuan mahupun di peringkat negeri. Data-data yang terkandung dalam HRMIS bukan sahaja**

**membantu melicinkan proses operasi harian sesebuah agensi seperti pengurusan cuti dan pengurusan tuntutan tetapi juga telah menjadi sumber rujukan kepada penjawat awam dalam konteks penggubalan dasar, polisi dan pembuatan keputusan yang berkesan.**

**23. Kita mahu memastikan HRMIS dapat bertindak sebagai Pangkalan Data Nasional Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam. Justeru, JPA bermula dari tahun 2014, telah mengambil inisiatif untuk menyemak **TAHAP KEABSAHAN** atau **validity****

**data dalam HRMIS bagi agensi Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri. Usaha ini akan kita perluaskan lagi dengan melibatkan semakin ke seluruh agensi perkhidmatan awam meliputi Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.**

**24. Seperti mana kita sedia ketahui, “A rotten apple spoils the barrel”. Saya tidak mahu melihat hanya kerana sebahagian data tidak**

**berintegriti dalam HRMIS ini, akan menyebabkan hilangnya kepercayaan penjawat awam untuk menggunakan data-data HRMIS bagi membuat perancangan strategik sumber manusia di agensi masing-masing.**

## **PENUTUP**

**Dato'- Dato', Datin- Datin, Tuan- tuan dan Puan- puan yang saya kasihi sekalian,**

**25. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada warga**

**JPA yang telah terlibat dalam usaha membangunkan HRMIS 2.0 ini serta dalam penganjuran Program What's Up HRMIS. Semoga komitmen dan iltizam tinggi yang telah ditunjukkan tidak terhenti di sini tetapi sentiasa ditingkatkan untuk mengenal pasti, menilai dan menambah baik HRMIS bagi kemaslahatan perkhidmatan awam.**

**26. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan PELANCARAN HRMIS 2.0 DAN PROGRAM WHAT'S UP HRMIS.**

**Sekian. Wabillahitaufiq Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**

**Terima kasih.**